

# MySejahtera: Zafrul, KJ dipanggil ke PAC

Oleh **MOHD. FADHLI**  
**MOHD. SULAIMAN**

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yang merupakan saksi utama berhubung pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera akan dipanggil hadir ke prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Pengerusinya, Wong Kah Woh berkata, tarikh dan masa prosiding akan ditetapkan dan diumumkan dalam masa terdekat, ketika wujud persoalan bagaimana pemilikan aplikasi MySejahtera dipindah daripada syarikat KPISoft Malaysia Sdn. Bhd. kepada MYSJ Sdn. Bhd.

PAC menggunakan kuasanya selaras dengan Peraturan Mesyuarat 77(l)(d) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan

Rakyat yang menyebut, “apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa” dan menggunakan Peraturan Mesyuarat 83(2) serta Perkara 11(b) Pekeliling Am Bil 2 Tahun 1982 dalam mengendalikannya prosiding itu nanti.

“Isu perolehan aplikasi berkenaan perlu dijelaskan secara telus di hadapan jawatankuasa demi kepentingan rakyat dan negara, khususnya pelantikan syarikat swasta sebagai pengendali aplikasi berkenaan secara runding terus serta kos terlibat.

“Tambahan pula, ia memabitkan isu keselamatan data peribadi rakyat sekali gus mengelakkan ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Pada 21 September 2021, kerajaan menerusi jawapan bertulis di Dewan Rakyat menyatakan, aplikasi MySejahtera

bermula sebagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan telah tamat tempoh diberikan selama setahun pada 31 Mac 2021 manakala kerajaan memutuskan membuat pembayaran untuk penggunaan aplikasi itu bermula 1 April 2021.

Isu aplikasi MySejahtera turut terkandung dalam Laporan PAC mengenai Perolehan Vaksin Covid-19 dan Penggunaannya Terhadap Rakyat Malaysia yang dibentangkan di Parlimen pada 1 Disember 2021.

Kah Woh berkata, ketika itu, PAC merumuskan konsep CSR digunakan sebagai suatu mekanisme untuk mendapatkan projek kerajaan tanpa melalui prosedur perolehan sepatutnya.

Jelasnya, PAC turut mengesyorkan kerajaan tidak harus membuat bayaran untuk aplikasi itu kerana pembangunannya bersifat CSR.